

11 MAY 2000

Mahathir-Umno (Anwar)

DR MAHATHIR AJAK ORANG MELAYU RASIONAL DALAM ISU ANWAR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat yang percaya kononnya Datuk Seri Anwar Ibrahim dianiayai sehingga begitu marah terhadapnya dan Umno, perlu berfikir secara rasional dan berlaku adil.

Perdana Menteri berkata mereka perlu mendengar kedua-dua pihak tanpa terlalu emosi dan terlalu memihak kepada orang tertentu yang disangka telah dianiaya.

"Politik orang Melayu perlu rasional kerana kita memperjuangkan bangsa, agama dan tanah air. Tersilap politik kita, semua kita akan menerima nasib yang buruk," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar Presiden pada perhimpunan agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

"Saya merayu kepada semua orang Melayu jangan mudah terpengaruh dengan orang yang berkepentingan yang suka membawa cerita keburukan orang lain. Mereka ini termasuk dalam golongan orang yang fasik. Jika kita mengikut mereka, maka akan rosaklah kita, akan hancurlah masa depan kita, akan kembalilah kita menjadi orang yang dijajah dan dihina," katanya.

Dr Mahathir mengulangi bahawa beliau tidak membuat konspirasi untuk menyingkir dan menganiayai Anwar kerana kepentingan politik beliau atau Umno seperti dituduh oleh Anwar.

Dr Mahathir membidas parti Keadilan kerana mendakwa berjuang untuk menegakkan keadilan dan untuk Rule of Law atau pemerintahan mengikut undang-undang tetapi sebenarnya berjuang untuk mendaulatkan ketidakadilan dan menolak Rule of Law.

Parti Keadilan, katanya, lebih mengutamakan perjuangan untuk mengecualikan Anwar daripada tindakan undang-undang negara supaya ia tidak boleh didakwa, dibicara, didapati bersalah atau dipenjarakan.

Sedangkan mengikut prinsip Rule of Law bahawa tiada sesiapa yang bebas daripada tindakan undang-undang termasuk Raja sekalipun, pemimpin Umno sudah banyak dihadapkan ke mahkamah dan dihukum apabila didapati bersalah, katanya.

Dr Mahathir berkata mereka yang mendakwa diri sendiri tidak bersalah awal-awal lagi tanpa menghadapi proses undang-undang adalah satu ketidakadilan.

"Tiada siapa yang layak atau berhak menjatuhkan hukuman tidak bersalah ke atas diri sendiri," katanya.

Beliau berkata jika Anwar ditahan mengikut Akta Kesemalatan Dalam Negeri (ISA) sudah tentu Parti Keadilan, konco-konconya dalam negeri, pemberita asing dan negara yang bermegah-megah dengan demokrasi akan mengutuk Malaysia dan mendesak supaya perbicaraan diadakan.

Tetapi apabila Anwar dihadapkan ke mahkamah atas penyalahgunaan kuasa, Anwar dan penyokong-penyokongnya mendakwa penghakiman tidak adil, hakim bersubhat dengan Perdana Menteri serta melempar tuduhan-tuduhan lain yang tidak berasas.

Beliau bertanya bagaimana mereka boleh mendakwa sedemikian sedangkan Anwar dibela oleh sembilan peguam, dibicara dalam mahkamah yang terbuka, diberi masa yang begitu panjang dibenar membuat kenyataan politik, bebas berjumpa dengan sesiapa sahaja dan berbagai-bagai lagi kesitimewaan.

"Keadilan bagi mereka ialah jika Datuk Seri Anwar dibicarakan, ia mesti didapati tidak bersalah. Jika didapati bersalah ini bermakna hakim bersubhat dengan kerajaan. Inikah yang dimaksudkan dengan Rule of Law," katanya.

Dr Mahathir berkata jauh daripada memperjuangkan keadilan, Parti Keadilan apabila selesai kes salah guna kuasa Anwar, memperjuangkan kezaliman terhadap mangsa jenayah Anwar yang juga berhak diberikan keadilan walaupun mereka bukan anggota Keadilan dan kroni Anwar.

Perdana Menteri berkata beliau berhak menyingkir mana-mana naggota kerajaan pada bila-bila masa tanpa perlu memberi sebab dan sudah ramai menteri diberhentikan tanpa menuduh ada konspirasi terhadap mereka.

"Justeri itu, apa perlunya pakatan sulit dan tindakan mahkamah? (untuk menyingkirkan Anwar). Sebenarnya Datuk Seri Anwar sendiri yang membawa bala ke atas dirinya dengan membuat laporan polis, dengan harapan untuk memeralatkan polis untuk mengharamkan buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi Perdana Menteri," katanya.

-- BERNAMA

ZKS MAI